



**MEDIA ONLINE /
PORTAL BERITA/MEDIA BEBAS**

17 MEI 2017

Disediakanoleh : Unit KomunikasiKorporat

ISU: PEMBANTU RUMAH KEMBOJA

| BIL. | TARIKH | AKHBAR & TAJUK BERITA | PIHAK TERLIBAT |
|------|-----------------------|--|----------------|
| 1. | 17 MEI 2017 (RABU) | SINAR HARIAN Amah Kemboja dibenarkan kembali | KSM |

AKHBAR : SINAR HARIAN

Amah Kemboja dibenarkan kembali

PERSATUAN Agensi Pembantu Rumah Asing Malaysia (Papa) menyambut baik Kerajaan Kemboja yang bersetuju membatalkan larangan rakyatnya daripada bekerja sebagai pembantu rumah di Malaysia akhir bulan ini. Presiden Persatuan Agensi Pembantu Rumah Asing Malaysia (Papa), Jeffrey Foo berkata, keputusan membatalkan larangan tersebut tepat pada masanya kerana Malaysia masih memerlukan ramai pembantu rumah daripada beberapa negara asing.

Larangan lima tahun yang dikenakan Kerajaan Kemboja untuk menghantar rakyatnya bekerja sebagai pembantu rumah di Malaysia akan dibatalkan akhir bulan ini, hasil perbincangan menteri kedua-dua negara. Menurut laporan Menteri Buruh Kemboja, Ith Samheng dan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Richard Riot Jaem bersetuju menamatkan pembekuan itu akhir bulan ini.

Perdana Menteri Kemboja, Hun Sen menguatkuasakan larangan itu pada 2011 selepas laporan negatif mengenai layanan buruk terhadap pembantu rumah oleh majikan dan ejen Malaysia, termasuk penderaan fizikal dan seksual, diberi makanan tidak sihat, bekerja lebih masa dan tidak dibayar gaji. Menurut Jeffrey, pihak persatuannya tahu mengenai berita pembatalan larangan berkenaan sebelum ini, cuma masih belum menerima sebarang pengesahan daripada pihak kerajaan.

"Kerajaan Malaysia dan Kemboja masih memerlukan masa untuk berbincang beberapa masalah dengan lebih terperinci lagi, termasuklah dari segi penyediaan latihan kepada pembantu rumah dari Kemboja. "Saya percaya kemasukan pembantu rumah dari Kemboja ke negara kita akan mengambil masa beberapa bulan lagi. Kita hanya mampu tunggu masa tibanya kelak," katanya kepada China Press. Menurutnya, majikan di negara ini kini mempunyai satu pilihan baharu selepas pembatalan larangan tersebut dan itu sudah tentu membawa berita menggembirakan kepada yang memerlukan khidmat pembantu rumah.

ISU : MAJIKAN SEMBUNYIKAN KES KEMALANGAN

| BIL | TARIKH | AKHBAR & TAJUK BERITA | PIHAK TERLIBAT |
|-----|-----------------------|---|----------------|
| 1 | 17 MEI 2017 (RABU) | BERITA HARIAN Majikan Jangan Sembunyi Kes Kemalangan | NIOSH JKKP |

AKHBAR : BERITA HARIAN

Majikan Jangan Sembunyi Kes Kemalangan

JOHOR BAHRU : Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (NIOSH) mendapati segelintir majikan khususnya di sektor pembinaan cuba menyembunyikan kes kemalangan di tempat kerja. Pengerusi NIOSH, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata hasil kajian dijalankan pihaknya dengan beberapa universiti tempatan mendapati sebanyak 31,347 kemalangan dilaporkan berlaku di sektor pembinaan antara 2009 hingga 2014.

Katanya, bagaimanapun daripada jumlah itu, hanya 787 kes dilaporkan kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP). "Kebanyakan kes di tempat kerja tidak dilaporkan kemungkinan majikan berpendapat ia (kes) yang kecil serta tidak membabitkan sebarang kematian. "Kemungkinan ada majikan menyembunyikan kes berkenaan kerana bimbang mereka akan disiasat oleh JKKP dan sekiranya ada unsur kecuaiannya mereka (majikan) boleh dikenakan tindakan oleh pihak berkuasa. "Bagaimanapun, NIOSH amat berharap majikan lebih bertanggungjawab dan akan tampil membuat laporan sekiranya berlaku apa sahaja kemalangan di tempat kerja," katanya.

Lam Thye berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan sambutan Hari Sedunia Bagi Keselamatan dan Kesihatan Di Tempat Kerja 2017 Peringkat Negeri Johor di sini, hari ini. Hadir sama, Pengarah JKKP Johor, Kormain Mohd Nor. Katanya, laporan yang dibuat majikan amat penting bagi membolehkan JKKP menjalankan siasatan bagi mengenal pasti punca kemalangan. "Apabila JKKP menjalankan siasatan dan mengetahui punca kejadian maka kemalangan yang sama dapat dihindari pada masa akan datang," katanya.